

Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan

Naquiah Nabar & Jimain Safar

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia

naquiah2@live.utm.my & ajmain@utm.my

ABSTRAK

Penguasaan Jawi yang ampuh dalam kalangan generasi muda bukan sahaja bertujuan untuk mengangkat kembali martabat tulisan Jawi sebagai suatu khazanah warisan bangsa, malah untuk menghasilkan pelajar yang mampu menguasai kandungan ilmu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan baik. Penguasaan kandungan ilmu sesuatu mata pelajaran amat berkait rapat dengan amalan pengajaran guru iaitu aktiviti guru menyampaikan pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar yang dilaksanakan mengikut kreativiti sendiri berdasarkan kaedah-kaedah pengajaran yang tertentu. Walau bagaimanapun, kajian mendapati penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar masih pada tahap rendah dan kelemahan tersebut salah satunya berpunca daripada faktor amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam yang kurang berkesan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran yang diaplikasi oleh Guru Pendidikan Islam semasa mengajar Pelajaran Jawi dari aspek persediaan dan perancangan, strategi, kaedah, teknik serta kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Rujukan dari jurnal-jurnal ilmiah, laporan kajian serta tesis yang berkaitan digunakan bagi mengumpul maklumat dan data tentang amalan pengajaran Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Berdasarkan kajian, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan Guru Pendidikan Islam tiada persediaan rapi dan tidak merancang pengajaran dengan baik, kerap mengamalkan strategi berpusatkan guru, menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang tidak pelbagai serta membosankan, kurang kreatif dan inovatif serta kurang mahir mengendalikan bahan bantu mengajar berbentuk teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa mutu amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam secara keseluruhannya masih berada pada tahap rendah serta masih belum mampu untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan.

Kata kunci: *amalan pengajaran, Jawi, Guru Pendidikan Islam.*

PENGENALAN

Pelajaran Jawi adalah salah satu bidang ilmu hasil pengorganisasian pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang juga merupakan komponen penting terkandung dalam sistem pendidikan kebangsaan dan menjadi mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Sebagai kelompok individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar Pelajaran Jawi, Guru Pendidikan Islam dilihat mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha untuk menghasilkan pelajar yang celik Jawi kerana keupayaan menguasai tulisan Jawi amat mempengaruhi kefahaman dan penguasaan mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Che Siah, 2007). Kebolehan membaca dan menulis Jawi merupakan tonggak utama dan umpama gerbang pada pembelajaran Pendidikan Islam (Norizan & Nor Azan, 2013) kerana bahan sumber Pendidikan Islam sebahagian besarnya ditulis dalam tulisan Jawi (Hashim, 2005; Nik Rosila, 2007; Hashim & Adi Yasan, 2009; Akmariah & Sofiah, 2010; Nazimah, 2013; Norizan & Nor Azan, 2013; Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015) dan pengajaran Pendidikan Islam juga diajar dalam tulisan Jawi sepenuhnya di peringkat sekolah rendah dan menengah (Asmawati et al., 2008).

Hal ini menunjukkan bahawa tanpa kebolehan membaca dan menulis Jawi, pelajar tidak akan mampu menguasai *content* ilmu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan baik. Tambahan pula, fokus yang diberi penekanan dalam Pendidikan Islam adalah menjurus kepada konsep ilmu yang diklasifikasikan sebagai epistemologi, ontologi dan aksiologi yang memerlukan penyampaian pengetahuan, kemahiran dan nilai secara berkesan melalui kepelbagaian pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang menarik dan sesuai bagi memenuhi keperluan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Oleh yang demikian, keupayaan guru sebagai pekerja profesional dalam melaksanakan amalan pengajaran dengan berkesan dan menepati hala tuju sistem pendidikan negara memerlukan kemampuan mereka menyesuaikan kemahiran pedagogi (Berita Harian, 2014) kerana kerana kualiti amalan pengajaran merupakan wahana paling berkesan untuk menjamin tercapainya hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam khususnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

SEJARAH TULISAN JAWI DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Tulisan Jawi telah melalui era kegemilangan dan bertapak lebih 700 tahun di negara ini (Faisal & Niswa, 2009; Mansor Sulaiman, 2012; Khazriyati, 2012). Tulisan Jawi adalah satu-satunya tulisan asal menjadi milik dan identiti orang Melayu serta mempunyai peranan besar terhadap pembinaan tamadun bangsa khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan dan keintelektualan (Mohd Mokhtar, t.th; Norhazliana, Saedah, Zaharah et al., 2010; Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Tulisan Jawi juga merupakan lambang keistimewaan Melayu, namun ia semakin terhakis sedikit demi sedikit dan terus luntur ekor pengisytiharan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu (Hamdan, 2003; Mohd Alwee, 2005; Hashim & Adi Yasran, 2009, Faisal & Niswa, 2009, Che Wan Shamsul Bahri, 2014) seperti mana yang diputuskan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Penetapan akta tersebut telah memberi impak yang sangat besar kepada tulisan Jawi di negara ini hingga menyebabkan sebilangan besar daripada generasi muda pada waktu itu tidak mahir membaca dan menulis Jawi (Awang, 1989; Nik Rosila, 2007; Hashim & Adi Yasran, 2009; Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015), malah ada segelintir daripadanya yang buta Jawi (Mohd Alwee, 2005, Hashim & Adi Yasran, 2009; Norhazliana, Saedah, Zaharah et al., 2010). Menyedari realiti ini, pelbagai usaha telah dijalankan khususnya oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan usaha sama Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memartabatkan kembali tulisan Jawi di Malaysia menerusi peranan media massa dan pengajaran Jawi di sekolah-sekolah (Faisal & Niswa, 2009; Norhazliana, Saedah, Zaharah et al., 2010; Khazriyati, 2012).

Pada tahun 1985, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengorak langkah permulaan dengan mewajibkan tulisan Jawi di sekolah rendah agama dan memperuntukkan waktu pengajaran Jawi yang mula diajar di peringkat darjah tiga sekolah rendah (Norhazliana, Saedah, Zaharah et al., 2010). Namun, pada tahun 1990 Pelajaran Jawi telah diputuskan untuk diajar mulai darjah satu setelah mendapati pelaksanaannya kurang memuaskan. Walaupun kedudukan tulisan Jawi adalah tulisan asal bagi Bahasa Melayu, namun penjelasan Peguam Negara yang menyatakan bahawa memaksa pelajar mempelajari Jawi sebagai sebahagian daripada Bahasa Melayu adalah bercanggah dengan Akta Kebangsaan 63 (Aishah Rabi'ah, 2000) mengakibatkan tulisan ini hanya diajar dalam subjek Pendidikan Islam dan bukannya subjek Bahasa Melayu (Hashim Musa, 2007).

Penjelasan tersebut telah mengakibatkan implikasi yang amat serius kepada kedudukan tulisan Jawi di negara ini. Akibatnya, wujud suatu perspektif yang mengaitkan tulisan Jawi secara langsung dengan agama Islam dan tidak lagi dengan Bahasa Melayu secara umum (Hashim & Adi Yasran, 2009). Ini menyebabkan fungsi tulisan Jawi hanyalah sebagai medium bagi pelajar Islam untuk memahami agama Islam kerana buku teks dan pengajaran Pendidikan Islam diajar dalam tulisan Jawi. Malah, pengajaran Jawi kepada pelajar bukan Islam juga dikatakan bertentangan dengan prinsip kebebasan beragama yang diperuntukkan dalam akta Perlembagaan Malaysia dan dianggap seolah memaksa mereka mempelajari agama Islam.

Namun begitu, peranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memperhebat penguasaan Jawi dalam kalangan generasi muda tidak terhenti setakat itu sahaja. Pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan Pelajaran Jawi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan menekankan kemahiran membaca dan menulis Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003, Faisal & Niswa, 2009; Nazimah, 2013) dan menyusul selepas itu pada tahun 2004 pula, program Jawi-Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-Qaf) diperkenalkan dengan menetapkan antara objektif utamanya juga adalah untuk meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah (Faisal & Niswa, 2009; Hashim & Adi Yasran, 2009, Akmariah & Sofiah, 2010, Nazimah, 2013; Salleh & Asyraf Ridwan, 2014).

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyerapkan Pelajaran Jawi sebagai salah satu komponen dalam subjek Pendidikan Islam telah menjadikan guru-guru Pendidikan Islam terlibat secara langsung dalam pengajaran Jawi di negara ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 2015 Model Kelas Pemulihan Jawi di bawah program j-QAF telah terkubur dengan sendiri apabila pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memutuskan untuk melantik kembali guru-guru j-QAF sebagai Guru Pendidikan Islam (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Ironinya, program j-QAF sebelum ini adalah pemangkin utama dan berperanan besar dalam usaha memperkasakan Jawi dalam kalangan pelajar di sekolah rendah.

KONSEP AMALAN PENGAJARAN

Guru memainkan peranan yang amat besar dalam proses memberi pendidikan kepada seseorang pelajar. Teras utama bagi kejayaan seseorang guru itu ialah bagaimana ia menentukan, menstruktur dan menyampaikan pengetahuan kepada para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini bererti kejayaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada gaya amalan pengajaran yang dipraktikkan oleh guru tersebut. Amalan pengajaran digambarkan sebagai proses memindah, memberitahu, mengajar sesuatu ilmu pengetahuan serta menyampaikan pelbagai jenis maklumat kepada seseorang yang tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu tersebut (Azizi & Siti Atiqah, t.th.; Ishak Baba, 2009; Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010) sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang seumpamanya (Ab Halim, Adnan, Kamisah et al., 2004). Kamarul Azmi & Ab Halim (2012) seterusnya menegaskan bahawa konsep pengajaran bukan hanya sekadar memindahkan maklumat kepada pelajar, bahkan amalan pengajaran seharusnya berperanan untuk melahirkan khalifatullah yang mempunyai perkembangan yang seimbang, serta diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu muslim yang beriman (Asmawati, Abd Muhsin, Syaza et al., 2015).

Amalan pengajaran juga didefinisikan sebagai proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai (Ee, 2003; Maria, Samsilah & Tajularipin, 2011) iaitu

aktiviti-aktiviti bermatlamat yang dilakukan oleh guru secara sengaja dan disedari (Shahabudin et al., 2003) bagi membantu penyampaian ilmu dan kefahaman kepada pelajar. Jika diteliti dengan lebih mendalam, amalan pengajaran merupakan sesuatu tugas atau tindakan guru mengurus dan melaksanakan pengajarannya (Rosni & Rohayah, 2010) setelah dirancang secara sistematik dalam usaha untuk memungkinkan terjadinya proses belajar yang bakal menghasilkan berlakunya perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk eksplisit mahupun implisit (Shahabudin et al., 2003).

Walau bagaimanapun, menurut Coe, Aloisi, Higgins et al. (2014), untuk menentukan definisi atau pengertian yang tepat tentang amalan pengajaran bukanlah sesuatu yang mudah kerana kajian-kajian yang telah dijalankan lazimnya terarah kembali kepada persoalan pokok iaitu pencapaian pelajar yang menjadi kayu ukur sedangkan yang seharusnya dinilai adalah kualiti pengajaran guru itu sendiri. Limitasi dan garis panduan tentang skop yang harus dinilai bagi mendefinisikan amalan pengajaran adalah amat perlu kerana umum mempunyai interpretasi yang berbeza tentang corak pengajaran guru di kelas. Oleh itu, enam komponen utama yang dicadangkan supaya dipertimbangkan oleh guru apabila menilai kualiti amalan pengajaran ialah pengetahuan pedagogikal kandungan, kualiti arahan, iklim bilik darjah, pengurusan kelas, pendirian guru serta tingkahlaku professional guru.

Ko, Sammons & Bakkum (2013) juga turut menyatakan bahawa kejayaan pengajaran seseorang guru secara umumnya adalah merujuk dan berfokus kepada *outcome* pelajar, sikap guru dan amalan pengajaran di bilik darjah yang membawa ke arah penghasilan pelajar yang berkualiti. Amalan pengajaran amat berkait rapat dan saling bergantung kepada pengetahuan serta kepakaran guru dalam mentafsir kandungan kurikulum dan strategi pengajaran, mengaplikasikan strategi meta-kognitif, kemahiran tentang isi kandungan serta berkemahiran dalam elemen mengenali pelajar. Penekanan tentang pengetahuan dan penguasaan isi kandungan guru dalam mata pelajaran yang diajarnya amat penting, di samping kemahiran dalam mengaplikasikan strategi, pendekatan, kaedah serta teknik dalam pengajaran sebagai proses untuk melengkapkan penyampaian ilmu pengetahuan kepada para pelajar.

Berdasarkan pernyataan tersebut, dapat difahami bahawa amalan pengajaran adalah suatu proses secara sistematik mengikut langkah demi langkah yang bermula seawal merancang pengajaran, peringkat permulaan, peringkat perkembangan konsep diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007; Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010; Anuar & Nelson, 2015) melalui rangkuman pengimplementasian strategi, pendekatan, kaedah serta teknik yang merupakan komponen-komponen sebagai asas dalam proses penyampaian ilmu kepada pelajar. Gabungan pelbagai aktiviti pengajaran dalam amalan pengajaran seseorang guru yang melibatkan elemen-elemen strategi, pendekatan, kaedah serta teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan (Allen, 1992; Abdul Raof, 1998; Anuar & Nelson, 2015).

Pengajaran yang berkesan pula dilihat sebagai proses penyampaian maklumat berupa ilmu pengetahuan di samping membekalkan pengalaman sebagai salah satu proses pendidikan yang akan mengubah tingkah laku seseorang pelajar secara kekal (Azizi & Siti Atikah, 2010) dan kejayaan guru mengubah pelajar dalam bentuk perubahan jangka waktu pendek dan perubahan jangka panjang merupakan kayu ukur kepada keberkesanan amalan pengajaran guru (Kamarul Azmi, Ab Halim & Mohd Izham, 2009). Hal ini bererti apa yang dialami oleh pelajar melalui pengalaman kehidupan seharian, pembacaan dan pendengaran menjadi sebahagian dari ilmu juga merupakan suatu bentuk amalan pengajaran (Rosni & Rohayah, 2010).

Oleh yang demikian, berdasarkan pernyataan-pernyataan tersebut, konsep amalan pengajaran Jawi menerusi konteks yang lebih luas dan menyeluruh boleh dijelaskan sebagai proses guru menyampaikan pengetahuan dan mengasah kemahiran pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang dirangka dalam langkah-langkah pengajaran berlandaskan pengimplementasian strategi, pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran yang bermatlamat untuk membentuk kemahiran berbahasa melalui penekanan terhadap dua kemahiran utama iaitu menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi dengan baik serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

KESEPADUAN STRATEGI, PENDEKATAN, KAEDAH SERTA TEKNIK DALAM AMALAN PENGAJARAN GURU

Bagi memperhalusi konsep amalan pengajaran untuk mendapatkan tafsiran yang lebih terperinci, elemen-elemen seperti strategi, pendekatan, kaedah serta teknik seharusnya difahami dengan lebih mendalam terlebih dahulu. Secara umumnya, istilah kaedah merujuk kepada satu siri tindakan guru yang sistematik dan tersusun untuk mencapai objektif pelajaran secara spesifik dalam jangka masa pendek (Mok, 1997; Ting & Muhamad Sidek, 2007). Kamarudin (1994) dan Anuar & Nelson (2015) pula mentakrifkan kaedah sebagai perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik (Zulina, 2015) melalui langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun dan kesinambungan yang harus dituruti dengan saksama bagi mencapai sesuatu matlamat pelajaran (Mok & Lee, 1991; Ahmad, 1997; Mohd Yusuf, 2000; Akmariah, 2010).

Kaedah pengajaran amat berperanan sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan merupakan salah satu faktor penting dalam sesuatu pengajaran (Normazidah, 2012). Peranan kaedah pengajaran begitu penting sehingga dikatakan seorang guru yang tekun, mempunyai kelayakan akademik dan pengetahuan yang cemerlang tidak menjamin kecemerlangan pelajarinya sekiranya tidak disertakan dengan kaedah mengajar yang baik dan sistematik (Mohd Zaidi, 2005). Namun begitu, guru tidak perlu terikat dengan satu-satu kaedah sahaja, sebaliknya guru harus sentiasa berfikir di luar kotak pemikiran biasa untuk mencari kaedah serta pendekatan baru yang lebih berkesan (Abdul Rahim et al., 2000; Muhamad Zaki, Razali, Azman et al., 2013) bagi mencipta kepelbagaian dan kreativiti dalam amalan pengajaran mereka (Muzirah & Nurhana, 2013).

Teknik pula digambarkan sebagai apa yang dilihat di dalam bilik darjah (Azman, 1987), iaitu suatu cara khusus yang dilakukan seseorang dalam melaksanakan suatu kaedah pengajaran (Mok, 2006). Teknik juga merujuk kepada kepada unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah (Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010) atau lebih tepat lagi kemahiran dan perlakuan guru dalam mengelola dan melaksana kaedah mengajar dalam aktiviti amalan pengajaran (Ahmad, 1997), yang turut membawa maksud suatu kaedah pengajaran boleh menggunakan beberapa teknik di dalamnya (Muhamad Zaki, Razali, Azman et al., 2013). Pemilihan sesuatu teknik juga haruslah berasaskan sesuatu kaedah yang berlandaskan sesuatu pendekatan dan keberkesanan sesuatu teknik yang digunakan adalah bergantung kepada asas-asas pengkaedahan serta pendekatan yang mantap, kukuh dan boleh dipercayai. Apabila pelajar mudah menerima, menghayati dan berupaya mengaplikasikan pembelajaran dalam kehidupan sehariannya, maka pada ketika itulah sesuatu teknik pengajaran itu dianggap berkesan (Ahmad, 1997).

Pendekatan atau strategi pengajaran pula merupakan istilah yang mencakupi keseluruhan proses amalan pengajaran dan mempunyai makna yang sama untuk menjelaskan

bagaimana proses pengajaran guru. Secara umumnya pendekatan merujuk kepada mendekatkan sesuatu dalam bidang pendidikan dan setiap satu pendekatan itu hendaklah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran (Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010) bagi mencapai matlamat pendidikan. Strategi pengajaran juga didefinisikan oleh Mok (2004) sebagai sebuah kaedah untuk menyampaikan pelajaran yang boleh membantu pelajar mencapai tujuan belajar. Menurut Ab Halim (2006), terdapat pendekatan yang pelbagai yang boleh digunakan dalam amalan pengajaran seperti konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada sebahagian, daripada umum kepada khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui.

Namun begitu, berbeza dengan Muhamad Zaki, Razali, Azman et al. (2013) yang mengklasifikasikan bahawa strategi atau pendekatan secara umumnya dibezakan kepada dua iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan pelajar. Ditinjau dari sudut lain pula, strategi diklasifikasikan menjadi strategi pembelajaran klasikal, kumpulan dan individu. Walau bagaimanapun, tiada satu pendekatan yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan (Mohd Aderi & Rohani, 2009), bermakna guru boleh memilih pendekatan dan strategi yang dirasakan paling sesuai dengan latar belakang dan kemampuan pelajarnya.

Justeru, guru seharusnya bijak dalam memilih strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian (Mohd Aderi & Rohani, 2009; Muhamad Suhaimi & Mohd Yusof, 2014) untuk diaplikasikan dalam amalan pengajaran mereka. Seseorang guru perlu mempunyai kemahiran mengajar atau *teaching skills* yang meliputi aktiviti merancang, mengelola, menyampai, membimbing dan menilai bagi matlamat menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dengan berkesan (Anuar & Nelson, 2015) melalui penggunaan pendekatan, strategi, kaedah serta teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, berdasarkan pernyataan ini, dapat difahami bahawa kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik merupakan elemen yang amat penting dalam amalan pengajaran Jawi. Pendekatan berpusatkan murid, pendekatan konstruktif, pendekatan induktif, pendekatan deduktif serta pendekatan masteri adalah strategi atau pendekatan yang disaran untuk diterapkan dalam pengajaran Jawi (Nor Azizi & Noorhayati, 2012). Manakala kaedah pandang sebut, kaedah latih tubi, kaedah tunjuk cara serta kaedah permainan pula adalah antara kaedah serta teknik yang merupakan pelengkap kepada elemen kesepaduan tersebut.

KAEDAH PENGAJARAN JAWI

Prosedur pelaksanaan pengajaran Jawi amat penting untuk dikuasai oleh setiap Guru Pendidikan Islam. Guru bukan sahaja perlu memiliki kemahiran dalam memilih pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan (Normazidah, 2012), malah guru juga harus menyedari keperluan untuk mengubahsuai kaedah pengajaran yang sedia ada agar bersesuaian dengan kebolehan pelajar (Rosmiza, Mohd Zamro, Noraini et al., 2015). Kepentingan untuk memilih kaedah pengajaran merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran yang disampaikan (Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007) selain dapat menarik minat pelajar kepada sesuatu mata pelajaran sehingga mampu mendorong mereka meraih pencapaian terbaik. Pengajaran Jawi mempunyai kaedah yang khusus dan tersendiri seperti yang telah

digariskan panduan pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pendedahan secara khusus juga telah diberi bakal-bakal Guru Pendidikan Islam di Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Kaedah-kaedah tersebut ialah:

Kaedah pandang sebut

Kaedah pandang sebut juga dikenali sebagai kaedah seluruh perkataan kerana pelajaran dimulakan dengan memperkenalkan perkataan berdasarkan gambar dan bukannya mengenal dan menghafal abjad satu persatu (Juriah, 1994 et al.; Asyraf Ridwan, 2013). Perkataan diperkenalkan kepada pelajar dengan menggunakan kad-kad perkataan, iaitu dengan cara pelajar menyebut perkataan yang tertera di kad imbasan beberapa kali tanpa perlu mengeja satu persatu sebaliknya hanya perlu mengecam dan menghafal serta menggabungkan bunyi dua, tiga atau empat huruf lalu menyebutnya terus. Kebiasaannya perkataan yang dipamerkan disertakan dengan gambar dan pelajar akan belajar secara pandang atau *visual*. Sebagai contoh, perkataan "بولا" ditulis di tepi atau di bawah gambar bola dan adakalanya digunakan kad imbasan yang berasingan antara kedua-duanya.

Kaedah pandang sebut merupakan kaedah paling popular dalam pengajaran Jawi, menjimatkan masa guru (Asyraf Ridwan, 2013), mendedahkan pelajar dengan bahan yang konkrit, membekalkan pengalaman yang lebih bermakna, pemahaman yang lebih terhadap apa yang dibaca dan berupaya mengelakkan rasa bosan. Namun begitu, kelemahannya pula pelajar hanya akan pandai menyebut perkataan tetapi tidak pandai untuk mengejanya, menghadapi masalah lambat mengenal huruf dan pelajar membaca bukan berdasarkan lambang-lambang yang membentuk huruf sebaliknya berdasarkan gambar menyebabkan mereka mudah keliru jika gambar yang ditunjukkan oleh guru kurang jelas.

Kaedah fonetik

Kaedah fonetik menekankan hubungan bunyi-bunyi dengan hurufnya (Liyana, Nurul Fatiha & Khuzaiton, 2013; Nadarajah, 2013). Fonetik berasal dari perkataan Bahasa Inggeris '*phonetics*' yang bermaksud '*the study of speech sounds and how they produced*' (Oxford Advanced Learner's Dictionary, 2011). Berdasarkan kaedah fonetik, hanya bunyi huruf yang diperkenal terlebih dahulu dan diikuti dengan membunyikan suku kata dan seterusnya membunyikan perkataan. Dalam bidang fonetik, huruf tidak dieja tetapi terus dibunyikan sebagai [a], dan seterusnya huruf-huruf yang lain. Sebagai contoh, ب + ت terus disebut sebagai [ba] + [ta] dan seterusnya disebut sebagai [bata]. Kelebihan kaedah fonetik ini ialah huruf yang dilihat dapat dikaitkan terus dengan bunyi oleh pelajar, dibantu oleh penggunaan asosiasi yang mempercepatkan proses pelajar mengingat dapat mengurangkan beban memori mereka serta terdapat huruf-huruf tertentu yang lebih mudah boleh diperkenalkan dahulu. Walau bagaimanapun, kelemahan kaedah ini ialah ia hanya sesuai untuk pelajar yang pandai sahaja dan tidak sesuai untuk pelajar aras kebolehan yang rendah. Persiapan awal juga terpaksa dilakukan oleh pelajar sebelum aktiviti membaca kerana mereka perlu mengetahui bunyi dan bentuk huruf terlebih dahulu.

Kaedah abjad

Kaedah abjad merupakan kaedah mengetahui nama-nama huruf yang digunakan bagi tujuan tulisan Melayu (Ishak, 1990) yang berfokus pada penghafalan abjad di mana nama-nama huruf perlu dikenal pasti terlebih dahulu melalui latihan menyebut dan menghafal mengikut susunan dan diikuti dengan mengeja suku kata dan perkataan serta huruf-huruf yang terkandung dalam suku kata dan perkataan (Juriah et al., 1994). Bagi pengajaran Jawi, huruf tunggal Jawi yang berjumlah 37 huruf dari ا hingga ي. Kaedah abjad sangat sesuai kerana murid dapat membaca

apa jua bahan atau perkataan yang dijumpainya setelah mengenal semua huruf dan tahu mengeja kerana cara mengeja suku kata adalah tetap (Asyraf Ridwan, 2013). Manakala kelemahan kaedah abjad pula ialah konsep menghafal huruf bercanggah dengan prinsip pendidikan iaitu pelajar perlu belajar sesuatu yang konkrit sebelum mempelajari sesuatu yang abstrak dan guru terpaksa mengadakan latihan tubi mengeja perkataan dengan kerap.

Kaedah latihan tubi

Kaedah latihan tubi juga dikenali dengan pengulangan atau *tikrar* iaitu aktiviti mengulangi fakta dan kecekapan kemahiran yang dipelajari (Asyraf Ridwan, 2013) yang bertujuan untuk mencapai taraf penguasaan sesuatu kemahiran bagi menjamin ketekalannya (Kamarudin Husin, 1988) supaya pelajar secara automatik boleh menyebut atau mengingat semula maklumat apabila disuruh berbuat demikian. Sebagai contoh, pelajar membuat latihan tubi menyebut huruf-huruf tunggal Jawi berulang kali sehingga fasih bagi menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf Jawi serta membuat latihan tubi menulis setiap huruf tersebut sehingga berupaya menulis dengan bentuk huruf serta kaedah penulisan yang betul. Melalui kaedah latihan tubi seseorang pelajar dapat mencapai tahap atau melekatkan sesuatu perkaitan supaya ilmu atau perkara yang telah dipelajari menjadi lebih kekal dalam ingatan (Mohd Najib & Nor Shaffrin, 2008). Tetapi kaedah latihan tubi juga mempunyai kelemahan iaitu menyekat dan menghalang kebebasan berfikir dan menghalang daya kreativiti pelajar.

Kaedah permainan

Permainan merupakan satu cara melatih murid sebagai seorang manusia dan menjadikan pengajaran di sekolah lebih menarik dan praktis (Ahmad, 2004) serta merupakan pengalaman yang paling penting bagi kanak-kanak untuk menggalakkan pembangunan dan pembelajaran mereka bukan sahaja secara akademik tetapi secara holistik juga (Ellianie & Nur Hidayu, 2015). Contoh permainan Jawi ialah Roda Impian Jawi, Boling, Tenteng, Rumah Merpati, Kereta Api, Pandai Joran, Pancing Jawi dan banyak lagi (Akmariah, 2010). Antara kelebihan kaedah bermain ialah dapat menarik minat pelajar untuk terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif (Azlan Shah, 2009; Akmariah, 2010) dan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memperoleh perasaan, dapat mengawal keadaan dan membantu berurusan dengan realiti yang lebih berkesan (Kraus, 1990).

Kaedah nyanyian

Menyanyi adalah aktiviti yang berlaku dalam kehidupan kita yang sebenar dan boleh dibawa ke bilik darjah sebagai satu kegiatan lisan yang menarik (Mok & Lee, 1989) yang bertujuan untuk menambah kepelbagaian aktiviti bukan sahaja kepada proses pembelajaran tetapi juga kepada pengalaman murid mempelajari bahasa serta mencetuskan perubahan aktiviti yang lazim dalam bilik darjah (Mohd Izzudin Ahmad Rusmin, 2011). Nyanyian dalam Jawi perlu disesuaikan dengan isi kandungan pengajaran seperti lagu Rasa Sayang Jawi (Asyraf Ridwan, 2013). Kaedah nyanyian mempunyai kekuatan yang tersendiri kerana dapat membantu proses kanak-kanak mengingat huruf-huruf Jawi dan mengeja perkataan serta merupakan kaedah berpusatkan murid iaitu 80% aktiviti merupakan penglibatan murid manakala cuma 20% sahaja penglibatan guru.

Kaedah Imlak

Kaedah imlak ialah pembacaan dengan suara yang lantang sesuatu sumber yang ditulis oleh orang lain (Asyraf Ridwan, 2013) yang melibatkan dua kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran menulis secara mekanis. Menulis secara mekanis dalam imlak ialah

menyalin unit bahasa sama ada huruf, suku kata, perkataan dan ayat yang dibacakan oleh guru dalam tulisan Jawi. Kaedah imlak berlaku selepas kaedah hafalan diutamakan. Guru mengatur setiap kata-kata yang diungkapkan dan pelajar menulis setiap kata-kata yang didengarinya, oleh itu secara tidak langsung melatih kemahiran mendengar dengan jelas dan menyebut dengan intonasi betul.

Kaedah mengeja/membatang

Kaedah ini menekankan mengeja dengan menyebut satu demi satu huruf Jawi yang membentuk suku kata, mengeja dan membunyikan huruf Jawi tersebut, menggabungkan suku kata yang dieja bagi membentuk perkataan (Asyraf Ridwan, 2013), seterusnya mengeja dan menulis perkataan yang dibentuk dengan ejaan dan kaedah penulisan Jawi yang betul. Kaedah mengeja memudahkan kerja guru kerana tidak memerlukan pembinaan bahan bantu mengajar, namun demikian kelemahan kaedah ini ialah pelajar tidak lancar membaca kerana penekanan hanya terhadap ejaan semata dan pelajar akan membaca dengan berlagu tanpa mempedulikan rangkai kata dan tempat berhenti.

Walaupun kaedah-kaedah ini disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan kepada Guru Pendidikan Islam, namun mereka perlu *employ a wide variety of methods* (Mohamad Johdi, 2007) dalam usaha menyampaikan kandungan dalam kemahiran Jawi tanpa menghadkan penggunaan satu-satu kaedah sahaja (Asyraf Ridwan, 2013) kerana tidak ada satu kaedah yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan (Mohd Aderi, 2009, Ishak, 2009; Normazidah, 2012; Lismijar, 2013). Oleh yang demikian, Guru Pendidikan Islam seharusnya lebih kreatif dan inovatif dalam mengaplikasikan kaedah mengikut keupayaan pelajar masing-masing.

ISU AMALAN PENGAJARAN JAWI

Guru adalah paksi utama dalam sistem pendidikan dan merupakan penggerak serta pendorong kepada semua aktiviti pengajaran sama ada di dalam mahupun di luar kelas (Muhamad Suhaimi & Mohd Yusof, 2014), selain berperanan menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti (Muzirah & Nurhana, 2013; Anuar & Nelson, 2015). Seseorang guru itu perlu berpengetahuan dan berkemahiran (Mohamad Johdi, 2007; Sarimah, Ab Halim, Mohd Aderi et al., 2010; Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010; Anuar & Nelson, 2015) kerana penguasaan dan kecemerlangan pelajar terhadap satu-satu mata pelajaran dikatakan mempunyai kaitan langsung dengan amalan pengajaran (Rosni & Rohayah, 2010). Tanpa amalan pengajaran yang berkesan dan penguasaan pedagogikal kandungan yang ampuh tentang Pelajaran Jawi, guru akan menghadapi masalah untuk menyampaikan pengajarannya dan kesukaran untuk memastikan pelajar menguasai konsep pelajaran yang diajar.

Pengetahuan pedagogi kandungan merujuk kepada keupayaan guru menentukan pengajaran di dalam kelas sesuai dengan kandungan mata pelajaran yang meliputi elemen kepelbagaian pendekatan, strategi dan teknik serta kesesuaian bahan bantu mengajar (Ab Halim, Muhd Faiz & Kamarul Azmi, 2012). Keupayaan guru mengolah kefahaman pengetahuan kandungan yang disampaikan kepada pelajar, mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami pelajar dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan pelajar merupakan elemen-elemen yang diberi penekanan di dalam konteks pengetahuan pedagogi kandungan (Ab Halim, Muhd Faiz & Kamarul Azmi, 2012). Oleh yang demikian, keberkesanan pengajaran Jawi di sekolah secara umumnya sangat bergantung kepada keupayaan

dan peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah bagi mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Islam yang digubal (Ab Halim, Kamarulzaman, Rosli et. al, 2012).

Keupayaan guru Pendidikan Islam mempelbagaikan pendekatan, strategi dan kaedah pedagogi seharusnya mampu meningkatkan penguasaan Jawi pelajar di samping sebagai pemangkin kepada perubahan sikap dan minat mereka (Muhamad Suhaimi, Mohd Yusof & Roslee, 2014). Namun begitu, akhir-akhir ini banyak isu kritikal yang disuarakan mengkritik kualiti pengajaran guru (Sarimah, Ab Halim, Mohd Aderi et al., 2010; Kamarul Azmi, 2011; Muzirah & Nurhana, 2013) dan terdapat kajian-kajian yang menunjukkan amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam mempunyai banyak kekurangan dan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan pelajar menguasai Pendidikan Islam serta Jawi secara tidak langsung (Nik Rosila, 2007; Suhaimi, 2007; Mohd Yakub & Saidi, 2008; Ab Halim, Kamarulzaman, Rosli et al., 2012).

Ab Halim, Kamarulzaman, Rosli et al. (2012) yang menjalankan kajian untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran bidang asas Jawi di Selangor mendapati rumusan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan Guru Pendidikan Islam lebih banyak menggunakan kaedah berpusatkan guru seperti kaedah kuliah, syarahan, memberi contoh dan demonstrasi (Ab Halim, Kamarulzaman, Rosli et al., 2012) dalam pengajaran Jawi di kelas dan kurang sekali menggunakan kaedah berpusatkan pelajar dalam pengajaran mereka.

Berdasarkan soal selidik ke atas pelajar pula, bagi mata pelajaran yang paling disukai oleh pelajar, item bidang 'Asas Jawi' hanya mencatatkan disukai oleh sejumlah 242 orang pelajar sahaja atau 48.4% dan merupakan antara min yang terendah dicatatkan berbanding item bidang pembelajaran yang lain. Dapatan ini mempunyai hubungan dengan item soal soal selidik berkaitan kaedah yang sering digunakan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Asas Jawi yang tidak dapat menarik minat dan membosankan pelajar.

Isu amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam dari aspek teknik pengajaran juga dapat dilihat berdasarkan kajian Kamarul Azmi, Ab Halim & Mohd Izham (2009) yang mendapati dapatan untuk item 'Motivasi pelajar di bawah CGPI' mencatatkan min hanya 3.22 sahaja. Dapatan ini melambangkan bahawa keupayaan Guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana sahaja dalam aspek kejayaan mereka untuk membangkitkan rasa ingin tahu pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran melalui aspek teknik penyoalan dan kaedah sumbangsaran.

Meninjau aspek perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas pula, guru perlu merancang pengajarannya (Nik Rosila, 2007; Rosmiza, Mohd Zamro, Norani et al., 2015) mengikut keperluan individu, keseluruhan kelas, bahan dan kearifan guru (Ahmad, 1997; Abdullah, 1998; Mohd Yusuf, 2000; Mok, 2000; Mohamad Johdi, 2007). Namun begitu, berdasarkan kajian terdapat sebahagian daripada Guru Pendidikan Islam yang tidak melakukan persediaan dan tidak merancang pengajaran mereka. Norhafizah & Asnuurien (2008) telah menyentuh aspek amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam di dua buah sekolah di Hulu Selangor dan dapatan kajian mereka menunjukkan pelajar menilai bahawa Guru Pendidikan Islam mereka mengajar dalam keadaan yang tiada persiapan rapi menyebabkan penyampaian mereka juga kurang teratur.

Kajian mereka juga turut mencatatkan hanya 7.5% pelajar yang bersetuju bagi item 'Guru menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran', manakala yang selebihnya tidak bersetuju. Guru Pendidikan Islam mereka menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran. Guru Pendidikan Islam juga didapati tidak memanfaatkan penggunaan bahan bantu mengajar (Siti Fatimah & Ab Halim, 2010), kurang mahir dalam mengendalikan bahan bantu mengajar (BBM) yang terkini (Rosmaria, 2003; Ab Halim et al., 2006) termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), malah menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar (BBM) yang utama (Kamarudin & Siti Hajar, 1998; Hatifah, 2000; Woody et al., 2010), sedangkan penggunaan bahan bantu mengajar memainkan peranan yang amat penting dalam membantu proses kefahaman pelajar dalam pembelajaran Jawi dan merupakan salah satu faktor yang akan mempengaruhi kejayaan amalan pengajaran seseorang guru itu.

KESIMPULAN

Guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan negara yang berperanan melaksana kurikulum dan menjadi teras dalam menentukan standard, mutu dan keberkesanan sesebuah sistem pendidikan. Amalan pengajaran guru merupakan medium yang menyumbang kepada proses pendidikan bagi mencapai matlamat melahirkan modal insan berkualiti yang mempunyai minda kelas pertama serta pendidikan bertaraf dunia. Justeru, peranan dan gaya amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Jawi seharusnya melalui transformasi bukan hanya sekadar sebagai penyampai ilmu kepada pelajar bahkan bertanggungjawab mencorakkan masa depan bangsa berkualiti yang mempunyai daya saing di era globalisasi di samping membentuk keperibadian pelajar mengikut acuan muslim sejati mengikut landasan agama yang sebenar. Amalan pengajaran yang merangkumi aspek pengkaedahan, strategi pengajaran, pendekatan pembelajaran serta teknik adalah kelompok elemen-elemen terpenting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan pengajaran guru serta memastikan penyampaian ilmu dengan berkesan terhadap para pelajar. Oleh yang demikian, setiap Guru Pendidikan Islam seharusnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguasai kesemua elemen tersebut dan mengaplikasikannya di bilik darjah bagi menghasilkan amalan pengajaran yang berkesan bagi mencapai matlamat pendidikan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) khususnya.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Ab Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abd Ghani & Mohd Aderi Che Noh. (2006). Kajian amalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8*, Kategori ERK 2006, Jilid 11. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. *Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal al Thaqafah*, Vol 2. Issue 2/53. ISSN: 2232-0474.

- Ab Halim Tamuri. (2006). Modul pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran: Pendekatan masa kini. *Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar et al. (2012). Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di sekolah-sekolah rendah agama negeri Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, Bil. 1, ISSN-2231-8291. Februari 2012.
- Abd Rahim Abd Rashid et al. (2000). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Raof Dalip. (1998). *Pendidikan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. (2004). *Pendidikan Islam, falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Aishah Rabi'ah Muhammad Salleh. (2002). Pelaksanaan Jawi di sekolah: Satu penyelesaian. *Kertas Kerja Mesyuarat Agung PENJAWIM 2002*.
- Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. *Proceedings of The 4th International Conference UPI & UPSI*, Indonesia: Bandung, 8-10 November 2010.
- Allen, T. (1992). *Teaching Arabic in the United States; past, present and future in the Arabic Language in America*. Detroit: Wayne University Press. <https://books.google.com.my>.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. April 2015, Bil. 3 Isu 2.
- Asmawati Suhid, Abd Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri et al. (2015). Pendidikan untuk semua: Amalannya dalam sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)* 1(2) November: 1-7(2015).
- Asmawati Suhid, Kamariah Abu Bakar, Lukman Abdul Mutalib & Muhd Fauzi Muhammad. (2008). Teacher's perception towards the model of Jawi writing in Malaysian education system. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*, 3, 5, 47-52.
- Asyraf Ridwan Ali. (2013). Pelestarian pengajaran Jawi dalam mendidik murid-murid di sekolah rendah orang asli. *Prosiding Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013)*, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 7-8 September 2013.
- Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. (2015). Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Malaysia: Universiti Sultan Zainal Abidin, 6-7 September 2015. ISBN: 978-967-13705-0-6.
- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(12), 937-941.
- Azizi Yahaya & Siti Atiqah Sharudin. (2010). Model Pengajaran. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. <https://core.ac.uk/display/11785773>. Dimuat turun pada 25 Mei 2016.
- Azlan Shah Ibrahim. (2012). *Permainan Kad Huruf Bergrafik Dalam Kemahiran Mengenal dan Menyebut Huruf Jawi Yang Hampir Sama Bentuk*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP P.Islam Ambilan Januari 2009. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 1-9.
- Azman Wan Chik. (1987). *Kaedah Hayati Amali*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Berita Harian. (2014, 14 Oktober). *Kerajaan sentiasa berusaha tingkatkan prestasi guru*. <http://www.bharian.com.my/node/11465>. Dimuat turun pada 20 April 2016.

- Che Siah Che Man. (2007). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad. (2014). *Tulisan Jawi dan cabarannya dalam mendepani zaman*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Coe, R., Aloisi, C., Higgins, S. et al. (2014). What makes great teaching? Review of the underpinning research. Durham University. <http://www.suttontrust.com>. Dimuat turun pada 18 Mei 2016.
- Ee Ah Meng, (2003), "Ilmu Pendidikan: Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas". Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ellianie Sahrom & Nur hidayu Mas'od. (2015). Pembelajaran kosa kata melalui papan permainan. *Seminar Bahasa Melayu 2015*. <https://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/>. Dimuat turun pada 7 Jun 2016.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abd Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah. (2009). Penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahawiswa Pengajian Islam: kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun*, bil. 4 (2009) 145-156.
- Hamdan Abdul Rahman. (2003). *Imbasan Sejarah Pemeraksanaan dan Peminggiran Tulisan Jawi*. Majalah Pelita Bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2005). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jld 16.
- Hashim Musa. (2007). Tulisan Jawi dan kesan keintelektual alam Melayu. *Kertas Kerja Seminar Aksara Menjejaki Tulisan Melayu*. 10 Mac 2007.
- Hashim Musa & Adi Yasan Abdul Aziz. (2009). Pemeraksanaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal Aswara*, 4(1): 159-176.
- Hatifah Yusoff. (2000). *Pendidikan Syariah Islamiyah: Satu kajian tentang permasalahan dalam pengajaran di sekolah agama dan harian (KPM) dan sekolah menengah kerajaan negeri di Selangor*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Baba. (2009). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar UTHM*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Geran Jangka Pendek NO. VOT: 0486.
- Ishak Haron. (1990). *Mudah membaca Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Juriah Long et al. (1994). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Kamaruddin Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Kamarudin Husin. (1994). *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan pengayaan, pengurusan sumber budaya dan masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2009). Sifat dan peranan keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (CGPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E) Dis, 2009: 57-71.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di alaf baru. *Seminar Pendidikan Islam*. Kuala Kangsar: Madrasah Idrisiah. 30 Oktober 2011.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khazriyati Salehuddin. (2012). Penilaian ke atas kerumitan kognitif dalam proses membaca Jawi. *Journal of Language Studies*, Volume 12(4), ISSN: 1675 8021.

- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2003). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2003: Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Hlm. 26.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Buku panduan pelaksanaan model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum j-QAF tahun 1-6*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal-Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Panduan pengurusan mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan sekolah menengah*. Jemaah Nazir dan Kualiti 2015.
- Ko, J., Sammons, P. & Bakkum, L. (2013). *Effective Teaching: A Review of Research and Evidence*. England: CfBT Education Trust.
- Kraus, R. (1990). *Recreation and leisure in modern society*. Fourth edition. New York, New York: HarperCollins College.
- Liyana Ahmad Afip, Nurul Fatiha hanapi & Khuzaiton Zakaria. (2013). Persepsi dan pengalaman Guru Pendidikan Khas dalam menghadapi permasalahan disleksia dalam kemahiran literasi. *Seminar Sains Kemanusiaan OKU Peringkat Kebangsaan 2013 (SKOUKU)*, Kelantan: Hotel Sutera Inn. 18 Mei 2013.
- Lismijar. (2013). Konsep pendidikan Islam dalam perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Ilmiah PEURADEUN*, Vol. 1, No. 1, September 2013.
- Mansor Sulaiman. (2012). Tulisan Jawi sebagai penanda aras penguasaan tamadun Islam di Nusantara: Meneladani peranan tamadun Islam silam dalam mengukuhkan penggunaan tulisan Jawi. *Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi & Teknologi*, 18 Oktober 2012.
- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman. (2011). Strategi pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 8. 101-105.
- Mohamad Johdi Salleh. (2007). Guru efektif dan peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah: Perspektif Guru Besar.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1)(2009): 93-109.
- Mohd. Alwee Yusoff. (2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, Bil 21 (2005) 23-38.
- Mohd Izzudin Akmal Rusmin. (2011). *Keberkesanan nyanyian melodi ria untuk meningkatkan kemahiran mengingat nama 10 malaikat bagi murid tahun 2 Delima SK Kampung Gemuroh*. Kuala Terengganu: IPGK Dato' Razali Ismail.
- Mohd Mokhtar Shafii. (t.th). Pelaksanaan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 9, Bil 2.
- Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad. (2008). Kemahiran belajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik: Kajian di daerah Kerian, Perak. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 23, 29-47.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Saidi Mohd. (2008). Keupayaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadis*. 6: 53-85.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Zaidi Mohd Zain. (2005). *Metodologi Pengajian Bahasa Arab: Kajian di Sekolah Agama Raudah Al-Nazirin, Jerimbong, Jeli, Kelantan*. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Mok, S.S. (1997). *Pedagogi 2, Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mok, S.S. (2006). *Nota pengurusan pengajaran-pembelajaran*. Kuala Lumpur: Multimedia-ES Resources Sdn Bhd.
- Mok, S.S. & Lee, S.M. (1991). *Pedagogi 3: Bahagian A pengajaran dan persediaan mengajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok, S.S. & Lee, S.M. (1989). *Latihan mengajar untuk maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah & Roslee Talip. (2014). Motivasi sebagai 'mediator' antara proses pengajaran dan bimbingan guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) pelajar: Satu kajian menggunakan 'Model SEM/AMOS'. *Jurnal Sains Humanika*, 2:4 (2014) 127-132, ISSN: 2289-6996.
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan et al. (2013). Amalan kreativiti guru dalam pengajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV). *Technology, Education and Science International Conference (TESIC)*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muzirah Ab Mokhti & Nurhana Mohamad Rafiuddin. (2013). Persepsi guru Sains yang mengamalkan lesson study sebagai program pembangunan professional guru terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. *Proceeding of the Global Summit on Education 2013*, Kuala Lumpur, 11-12 March 2013. ISBN 978-967-11768-0-1.
- Nadarajah, R. (2013). *Pengajaran literasi: Membaca dan menulis Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris. <https://www.academia.edu/>. Dimuat turun pada 7 Jun 2016.
- Nazimah Mohamad @ Mohd Noor. (2013). *Penggunaan modul pembelajaran kemahiran Jawi*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam*, Jld. 22, 161-172.
- Nor Azizi Ismail & Noorhayati Hashim. (2012). *Kaedah Pengajaran Jawi*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norhafizah Abd Rahim & Asnuurien Najma Ahmad. (2008). *Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam kajian di dua buah sekolah daerah Hulu Selangor*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Norhazliana Mohd Hassan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin & Norlidah Alias. (2010). Isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar. *Jurnal Pendidikan*, 30, 2010.
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: Satu penilaian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). Pengajaran dan pembelajaran; penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden. *Kertas Kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011*. 18-20 Disember 2011. Pulau Pinang: Hotel Vistana.
- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. (2013). Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal*. Vol. 9, No. 2, December 2013, 28-38.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary. (2011). Oxford University Press. www.oxfordlearnersdictionaries.com. Dimuat turun pada 4 Jun 2016.
- Rosmaria. (2003). *Pembangunan perisian pengajaran dan pembelajaran berbantuan Komputer (PPBK): Adab menjaga fitrah lelaki dan perempuan*. Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rosmiza Ismail, Mohd Zamro Muda, Norani Omar & Latifah Abdul Majid. (2015). Amalan pengajaran dan cabaran guru j-QAF di SJKC. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan. (SPPK) 2015*. Ipgkik.com.
- Rosni Zamuddin Shah Sidek & Rohayah Abdullah. (2010). *Amalan Pengajaran guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Baharu mengikut aras kognitif Bloom*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Salleh Jusoh & Asyraf Ridwan Ali. (2014). Pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah Orang Asli di Terengganu. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2014*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 12 November 2014.
- Sarimah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh et al. (2010). Amalan pengajaran Pendidikan Islam: Aplikasi teori menurut perspektif al-Ghazali dan Dunkin Biddle. *1st International Conference on Islamic Education 2010*. 29th September – 1st December 2010. Malaysia: Holiday Villa & Suites Subang. pp. 637-646. ISBN 978-967-10160-0-8.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad (2003). *Pedagogi 1: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suhaimi Muhamad. (2007). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan modul pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ting, L.S. & Muhamad Sidek Said. (2007). *Ingin Menjadi Guru*. Selangor: Ilmu Media Trade.
- Woody, W.D., Daniel, D.B. & Baker, C.A. (2010). E-books or textbooks: Students prefer textbooks. *An International Journal of Computers & Education*, 55(2010), 945-948.
- Zulina Ahmad Zawawi. (2015). Kajian amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam IPG Kampus Tawau. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2015*. Kuala Lumpur: IPG Kampus Ilmu Khas. 5-7 Ogos 2015.